

30 AUG 1998

AHLI PARLIMEN BOSNIA ANTARA TETAMU SAMUTAN HARI KEBANGSAAN

IPOH, 30 Ogos (Bernama) -- Sekumpulan 16 anggota Parlimen dan pemimpin tiga etnik utama Bosnia Herzegovina ialah antara tetamu negara yang akan menghadiri sambutan Hari Kebangsaan ke-41 di Pulau Pinang esok.

Pengarah Bahagian Integrasi Negara, Jabatan Perpaduan Negara, Hanaffi Ahmad berkata, kumpulan itu juga akan menghadiri upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang di Padang Kota Lama, Pulau Pinang tengah malam ini.

Seramai 20 anggota Parlimen dan pemimpin masyarakat negara itu berada di negara ini atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata, lawatan itu adalah bagi melihat dan mempelajari usaha Kerajaan Malaysia memupuk perpaduan antara rakyat pelbilang bangsa dan agama yang hidup dalam keadaan harmoni untuk cuba dilaksanakan di negara mereka kelak.

Kumpulan itu yang diketuai Jacob Finci akan diraikan pada jamuan malam di kediaman Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib pada Selasa selain menyaksikan beberapa aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan termasuk kelas Tabika Perpaduan di Buntong pada Rabu, tambah beliau.

Menurut Hanaffi, mereka juga dijadual melawat beberapa tempat menarik di Melaka dan Kuala Lumpur selain mendengar siri taklimat oleh Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Petronas dan Suruhanjaya Pilihanraya sebelum pulang pada 8 Sept.

-- BERNAMA

LAT FAZ